



Maybank myimpact Credit Card – Penjejak Jejak Karbon & Pengimbangan Karbon

Soalan Lazim (FAQ)

1. Apakah Penjejak Jejak Karbon?

Penjejak Jejak Karbon melalui Aplikasi Maybank MAE dan Maybank2u Web adalah anggaran pengiraan CO₂e (dalam kilogram) bagi setiap pembelian yang dilakukan menggunakan Maybank myimpact Credit Card. Anggaran ini dikira berdasarkan penilaian Skop 1, 2 & 3.

Penjejak Jejak Karbon membolehkan pemegang kad menganalisis setiap transaksi atau 16 kategori pedagang serupa secara terkumpul untuk memahami impak karbon mereka secara lebih ringkas.

2. Apakah maksud 'jejak karbon'?

Jejak karbon ialah jumlah keseluruhan gas rumah hijau yang dihasilkan dan dilepaskan ke atmosfera oleh sesuatu aktiviti atau individu.

3. Apakah maksud CO₂e?

Dikenali juga sebagai CO₂ Setara atau Karbon Dioksida Setara, ia merupakan ukuran metrik bagi pelbagai gas rumah hijau seperti karbon dioksida, metana, dan nitrous oxide, dengan mengambil kira kesan setiap gas terhadap perubahan iklim.

Setiap gas rumah hijau mempunyai potensi pemanasan global (GWP) yang berbeza dan tempoh hayat yang berbeza di atmosfera.

Gas-gas ini ditukar kepada jumlah karbon dioksida setara untuk memudahkan perbandingan, biasanya nilai ini dipaparkan dalam kilogram atau tan.

4. Apakah maksud penilaian karbon Skop 1, 2 & 3?

Untuk mengukur impak CO₂e, perlu dikenal pasti penyumbang langsung dan tidak langsung:

Skop 1: mengukur impak pelepasan langsung yang dimiliki atau dikawal oleh syarikat tempat transaksi kad dilakukan.

Skop 2: mengira impak pelepasan daripada penghasilan tenaga hulu yang digunakan untuk menyokong syarikat tempat transaksi kad dilakukan.

Skop 3: mengukur impak pelepasan daripada perkhidmatan sampingan dalam rantai nilai, baik hulu atau hilir, berkaitan dengan syarikat (atau produk) tempat transaksi kad dilakukan.



Untuk tujuan pengiraan kami, Skop 1, 2 & 3 digunakan untuk mencerminkan jumlah impak pada peringkat penggunaan akhir.

5. Apakah 16 kategori pedagang?

16 kategori pedagang serupa termasuk:

Automotif, Pendidikan, Elektronik, Hiburan, Perkhidmatan Kewangan, Makanan & Minuman, Kesihatan & Kecantikan, Rumah & Hartanah, Rekreasi & Sukan, Perubatan, Perkhidmatan, Membeli-belah, Telekomunikasi, Pengangkutan, Pelancongan, Utiliti, dan Perbelanjaan Lain.

6. Bagaimanakah Jejak Karbon dikira?


Penjejak Jejak Karbon disokong oleh Sphere (dahulunya Verrency).

Sphere menggunakan metodologi yang kukuh dan evaluatif untuk memastikan anggaran Impak Karbon terus diperhalusi; pada hakikatnya, Sphere menyelaraskan data pelepasan yang diperoleh daripada industri dengan maklumat pembayaran pengguna untuk mengira anggaran CO₂e bagi setiap transaksi;

Langkah-langkah proses utama termasuk:

- Memperoleh data pelepasan yang sah daripada pihak berkuasa atau akademik.
- Membersihkan data pembayaran.
- Menyelaraskan data pelepasan pada peringkat industri.
- Penalaan berterusan berdasarkan pasaran, pedagang, tingkah laku pengguna dan segmen industri.
- Disahkan dan diaudit oleh juruaudit luaran.

Pendekatan model umum yang digunakan ditunjukkan dalam Penjejak Jejak Karbon.





7. Bila maklumat jejak karbon akan dipaparkan dalam akaun saya?

Maklumat jejak karbon akan dipaparkan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas setiap transaksi dilakukan.

8. Bagaimana saya memahami impak jejak karbon saya?

Pengukuran jejak karbon itu sendiri berguna untuk memahami impak peribadi anda terhadap alam sekitar; apabila lebih banyak transaksi dianalisis, anda dapat menilai prestasi sejarah anda yang boleh membantu anda memahami trajektori impak karbon anda.

Rujukan kepada benchmark komuniti atau aktiviti harian bersamaan CO₂e (contohnya memandu kereta 2000 km) membantu meletakkan impak dalam konteks gaya hidup anda.

Sebagai rujukan, anda boleh merujuk kepada jadual metrik berikut untuk membandingkan jejak karbon bagi aktiviti-aktiviti biasa:

Aktiviti	Ukuran	Pengukuran dalam Nilai RM	Impak CO ₂ e	Kos Anggaran Pampasan (RM)
Utiliti Rumah (1 tahun)	Purata penggunaan rumah (Elektrik, gas, air) – Isi rumah sederhana	RM8,000	~4,500 kg	RM396
1 km perjalanan MRT	Jarak perjalanan	RM1.30	~0.04 kg	RM0.004
1 Hidangan di rumah	Jenis hidangan	RM35	~2 kg	RM0.176
1 Botol Plastik	Jenis plastik	RM1.29	~0.12 kg	RM0.011
Caj Telefon Pintar (1 kali)	Purata caj telefon pintar	RM0.10	~0.035 kg	RM0.003
Cucian (1 muatan)	Per muatan cucian	RM5	~2 kg	RM0.176
1 Ream Kertas	Per ream kertas	RM12	~6 kg	RM0.528
Burger Daging Premium	Per burger	RM20	~3.5 kg	RM0.308
Kopi (1 cawan)	Per cawan	RM10	~0.2 kg	RM0.018
Menonton Filem (pawagam)	Harga tiket purata	RM15	~1 kg	RM0.088

**Maybank**
Islamic**Maybank**

Makan di Restoran	Per hidangan	RM60	~5 kg	RM0.44
Penerbangan Jauh	Per penumpang	RM2,800	1,100 kg	RM97.15
Penerbangan Dekat	Per penumpang	RM900	360 kg	RM31.68
Barang Runcit	Per troli	RM500	~80 kg	RM2.45
Minyak/ Petrol (bulanan)	Per bulan	RM350	~294 kg	RM8.82

9. Apakah kaedah pembayaran yang layak dikira?

Pada masa ini, hanya Maybank myimpact Visa Signature Credit Card dan Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum Credit Card-i dilengkapi dengan Penjejak Jejak Karbon melalui Maybank MAE App dan Maybank2u Web. .

10. Adakah Penjejak Jejak Karbon disahkan oleh badan saintifik atau teknikal?

Penjejak ini disokong oleh Sphere-Ketepatan pengiraan dijamin oleh juruaudit bebas Ernst & Young.

11. Adakah Penjejak Jejak Karbon dapat menunjukkan secara tepat jejak karbon saya?

Penjejak Jejak Karbon memberikan anggaran hampir tepat, berdasarkan perbelanjaan menggunakan Maybank myimpact Credit Card.

12. Apa yang boleh saya lakukan selepas mengetahui jejak karbon saya?

Mengetahui jejak karbon dan trend bulanan membolehkan anda memahami kesan tabiat harian terhadap alam sekitar dan mengambil langkah mengurangkan jejak karbon individu. Anda boleh menebus jejak karbon melalui Carbon Offset di Maybank MAE App dan Maybank2u Web.

13. Apakah itu *Carbon Offset*?

Carbon Offset adalah sebahagian daripada ciri Kad Kredit Maybank myimpact yang membolehkan Pemegang Kad Maybank myimpact mengimbangi jejak karbon mereka dengan menyumbang secara kewangan kepada Inisiatif Penanaman Semula Hutan Serantau, dengan matlamat utama untuk membantu menyeimbangkan kesan pelepasan karbon yang tidak dapat dielakkan..

14. Bagaimana saya menyumbang melalui Carbon Offset di MAE App dan Maybank2u Web?

- Langkah 1: Pilih jumlah sumbangan untuk menebus jejak karbon melalui Regional Reforestation Initiatives.
- Langkah 2: Pilih Maybank myimpact Credit Card sebagai sumber dana transaksi.



- Langkah 3: Sahkan transaksi. Maybank akan menggunakan dana ini untuk membeli carbon credits dan menyumbang kepada projek Reforestasi.

15. Apakah itu **Carbon Credit**?

Carbon Credit ialah unit yang boleh diukur dan disahkan, mewakili 1 tan CO₂e yang dikurangkan atau dikeluarkan daripada atmosfera melalui projek alam sekitar berdaftar. Setelah dibeli, kredit karbon ditamatkan agar tidak boleh digunakan semula.

16. Apakah itu **Pasaran Karbon**?

Pasaran karbon ialah satu set projek pengimbangan karbon yang dipilih khas di mana pengguna boleh membeli kredit karbon. Projek-projek ini diperoleh dan dipatenkan beserta semua maklumat akreditasi dan pendaftaran supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bijak..

17. Apakah itu / siapa **Daftar karbon**?

Daftar karbon ialah organisasi yang bertanggungjawab untuk menetapkan protokol pensijilan yang diperlukan oleh projek bagi mengeluarkan kredit karbon. Daftar ini juga menjejaki dan mengurus penerbitan serta penamatan kredit karbon daripada projek. Antara daftar besar termasuk ACR (American Carbon Registry), VERRA (VCS) dan GOLD STANDARD.

18. Bagaimana menebus jejak karbon membantu alam sekitar?

Dengan menebus jejak karbon, anda menyumbang secara kewangan kepada solusi perubahan iklim seperti penanaman pokok dan tenaga boleh diperbaharui. Ini berguna untuk membantu menyeimbangkan pelepasan karbon yang tidak dapat dielakkan.

19. Apakah **Regional Reforestation Initiatives**?

Inisiatif Penanaman Semula Serantau terdiri daripada Satu (1) Program Derma Penanaman Semula dan Dua (2) projek penanaman semula yang mempromosikan amalan hutan lestari di Asia Tenggara dan sekitarnya, seperti mempromosikan usaha penanaman semula, memperbaiki kehidupan dan mengurangkan kemiskinan dalam komuniti tempatan, serta melaksanakan amalan pemuliharaan. Hasilnya, projek-projek ini menyokong pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan mempromosikan biodiversiti di rantau ini.

Program / Projek	Jenis Projek	Nisbah (%)	Jenis Sumbangan
Katingan Conservation Project, Indonesia	Projek Carbon Credit	20%	Carbon Credit



Lakemere Native Regeneration Project, Australia	Projek Carbon Credit	40%	Carbon Credit
The Greening Malaysia Programme	Projek Carbon Credit	40%	Carbon Credit

Nota: Sekiranya projek Carbon Credit terlebih langganan, lebihan akan diagihkan ke projek seterusnya dengan pemberitahuan awal kepada pemegang kad.

20. Bagaimana Maybank memilih projek Carbon Offset untuk Reforestation Initiatives?

Maybank memilih projek yang diakreditasi oleh Verra di bawah Verified Carbon Standards (VCS). Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web Verra website at <https://verra.org/>.

Sphere, rakan karbon dan juruaudit karbon menilai ketepatan dan keteguhan projek secara berterusan. Projek dipantau untuk memastikan prestasi dan pematuhan piawaian bagi mengurangkan sebarang risiko yang wujud.

21. Bagaimana saya tahu sumbangan saya berjaya?

Semua transaksi Carbon Offset akan dipaparkan dalam sejarah transaksi. Resit dan sijil *Carbon Offset* boleh dilihat melalui MAE App dan Maybank2u Web.

22 Adakah terdapat sebarang fi tambahan yang dikenakan oleh Maybank apabila saya membuat sumbangan kepada *Regional Reforestation Initiatives*?

Tiada sebarang yuran tambahan dikenakan oleh Maybank untuk transaksi pengimbangan karbon yang dilakukan. .